

Keputusan PT3 meningkat

Sinar Harian
15/12/15
m/s 12

KUALA LUMPUR - Sebanyak 465,674 calon Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) mendapat keputusan semalam di seluruh negara.


Kebanyakan sekolah merekodkan Gred Purata Sekolah (GPS) lebih baik berbanding keputusan tahun pertama pelaksanaannya pada 2014.

BESUT, 46 daripada 62 calon PT3 Sekolah Menengah (SM) Intiaz Besut berjaya memperoleh 11A dan sekali gus menobatkan sekolah itu antara sekolah terbaik di negeri Terengganu pada tahun ini.

Pengetuannya, Abd Wahab Mohd Arshad berkata, amalan menghafaz al-Quran da-



Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Naim Lilbanat, Kota Bharu berselfie bersama selepas menerima keputusan PT3.



Pelajar cemerlang PT3 Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Molek, Melaka, (dari kiri) Raudhatul Syahirah Ruzalee, Hamizah Yusni dan Saidatul Nadia Mohd Halim menunjukkan keputusan 9A yang diperoleh pada peperiksaan PT3 semalam.

lam kalangan pelajar sekolah itu berjaya membentuk akhlak pelajar hingga cemerlang.

“Ini yang sedang dibentuk Imtiaz kerana 20 calon PT3 berjaya menghafaz 30 juzuk al-Quran. Dengan menghafaz al-Quran memberi kelebihan kepada pelajar tentang kesedaran sendiri hingga membawa kepada kejayaan,” katanya.

Pelajar terbaik Imtiaz Besut, Muhamad Syakir Solihin Mohd Salim berkata, resepi kejayaannya memperoleh 11A, banyak dibantu amalannya menghafaz al-Quran 30 juzuk di samping menjaga pemakanan dan bijak menguruskan jadual.

Bagi Fahda Syazween Fazul Anuar dari Sungai Petani, Kedah yang turut mendapat 11A, mengakui amalan menghafaz al-Quran banyak membantunya memperkuat ingatan.

“Setiap hari rutin hidup saya mesti dimulakan dengan memakan kismis dan minum



Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Lintang, Kuching, Saftuyah Adenan (tengah) bersama 15 pelajar cemerlang gembira menunjukkan slip keputusan.

susu sebelum membaca al-Quran. Selepas itu barulah saya teruskan dengan mentelaah mata pelajaran sekolah secara berkumpulan,” katanya.

KUALA TERENGGANU, kejayaan sama turut diraih Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Datuk Haji Abbas selepas 33 calon PT3 memperoleh 11A.

Pengetuanya, Awi Salleh berkata, pencapaian terbaik

itu merupakan peningkatan lebih 200 peratus berbanding keputusan PT3 tahun lalu iaitu hanya 12 pelajar dapat 11A.

“Daripada 271 calon PT3 di sekolah ini, 33 calon mendapat 11A, 29 pelajar memperoleh 10A dan 79 pelajar mendapat 9A,” katanya.

Bagi Mohd Ehsan Ahmad Rosli yang mendapat 11A, kejayaan yang dilakarnya itu adalah berkat sentiasa fokus ke-



Pengetua Sekolah Raja Perempuan Taayah, Ipoh, Nooraini Zainal Abidin (tengah) gembira bersama pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang.

pada pembelajaran bagi semua mata pelajaran yang diajar di dalam kelas selain dorongan kedua ibu bapanya.

Sementara itu Muhd Akif Naquiddin Zahar yang turut berkongsi kegembiraan mendapat 11A berkata, dia bersyukur kerana mendapat keputusan cemerlang kerana PT3 sukar dan mencabar.

KOTA BAHARU, mengamalkan solat sunat tahajjud

setiap malam dan tadarus al-Quran di sekolah antara rahsia pasangan kembar perempuan daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Naim Lil-Banat yang melakar kejayaan cemerlang.

Nurin Atirah Amani Khusaini Che Khalid Khusaimi mendapat keputusan 11A manakala pasangan kembarnya Nurin Afiqah Amani Khusaini, mendapat 10A 1B.

Nurin Atirah Amani Khusaini berkata, mereka sanggup berkorban masa bangun seawal jam 4.30 pagi bagi menunaikan solat sunat sehingga Subuh.

Pengetua sekolah, Maimunah Ismail berkata, 198 calon menduduki PT3 tahun ini dan daripada jumlah itu, 98 pelajar mendapat 11A berbanding 14 pelajar tahun lalu.

-Bernama